


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Peranan Keusahawanan Sosial Dalam Menangani Isu Alam Sekitar di Malaysia

Fauziana Bt Fauzi @ Mat Rawi

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan,
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan



Dunia kini sedang menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat ketara. Pencemaran udara, tanah dan air memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia serta ekosistem secara keseluruhannya. Perubahan iklim, didorong oleh aktiviti manusia, menyebabkan cuaca serta suhu naik secara mendadak, pencairan ais dan seterusnya meningkatkan paras laut. Penebangan hutan secara tidak terkawal serta kehilangan biodiversiti juga meningkatkan lagi ancaman kepada alam sekitar, membahayakan hidupan liar serta habitat semula jadi.

Perubahan iklim serta kemusnahan alam sekitar merupakan dua isu global yang semakin mendapat perhatian serius. Peningkatan suhu global yang berterusan, aktiviti industri serta urbanisasi



di Malaysia menyumbang kepada isu ini di samping pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan jumlah penduduk. Hal ini menyebabkan Malaysia turut terdedah kepada ancaman banjir serta kenaikan paras air laut.

Menyedari hal ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggariskan 17 Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG) yang meliputi semua aspek sosial dan ekonomi. Antara matlamat yang amat berkait rapat dengan alam sekitar ialah: SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi), SDG 7 (Tenaga Mampu Milik dan Bersih), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab), SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim), SDG 14 (Kehidupan di Bawah Air) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat).

Penulis amat tertarik dengan isu fenomena pemanasan global ini yang merujuk kepada peningkatan suhu purata atmosfera, lautan serta daratan juga. Sejak berlakunya Revolusi Perindustrian, manusia telah membakar sejumlah besar arang batu, petroleum serta bahan bakar fosil untuk menghasilkan haba dan elektrik. Aktiviti ini telah membebaskan gas karbon dioksida (CO_2), iaitu gas rumah hijau yang paling banyak dibebaskan oleh manusia ke atmosfera. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2008) menjangkakan bahawa pada tahun 2030 hingga 2050, sebanyak 250,000 kematian akan berlaku kesan daripada perubahan iklim. Di Jepun, gelombang haba yang melanda negara itu telah menyebabkan suhu mencecah paras tertinggi sepanjang masa iaitu 41.2 darjah Celsius di wilayah Hyogo iaitu cuaca paling panas sejak tahun 1898.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.